



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN BERJAYA LAKSANA 8 PROGRAM REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB) SEPANJANG TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 27 November – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama-sama jabatan dan agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan lapan (8) Program **Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)** sepanjang tahun 2025. RKB ialah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menyemak dan menambah baik peraturan-peraturan serta proses birokrasi yang membebankan perniagaan dan rakyat.

RKB diwujudkan untuk mengurangkan kerenah dan bebanan birokrasi yang tidak lagi relevan, menjadikan urusan lebih mudah dan efisien, sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Antara program-program yang berjaya dilaksanakan oleh KPN melalui RKB ialah:

- i. Pembangunan Sistem Permohonan Peruntukan Kewangan (ePantas);
- ii. Pembangunan Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan;
- iii. Penambahbaikan Proses Penilaian dan Pemilihan RT Progresif;
- iv. Sistem Pembelajaran Kendiri Literasi Media Dan Maklumat (e-LMM);
- v. Penggunaan Kod QR bagi Pengkatalogan dalam Penerbitan (PdP);
- vi. PNMNEWSHUB - Pangkalan Data Surat Khabar - Koleksi Negara;
- vii. Sistem Tempahan Bilik Karel (QuickKarel); dan
- viii. QUICKSBOOK2U@PNM.

Pembangunan Sistem Permohonan Peruntukan Kewangan (ePantas) misalnya berjaya dibangunkan secara dalaman (*in house*) oleh Bahagian Kewangan dan Pembangunan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat KPN bagi **menambah baik proses permohonan peruntukan kewangan yang sebelum ini dilaksanakan sepenuhnya secara manual.**

Pembangunan Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan pula bertujuan untuk **meningkatkan kecekapan dan ketelusan proses permohonan bantuan kewangan bagi program-program perpaduan yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).**

Selain itu, KPN melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) berjaya **mempercepat proses penilaian dan pemilihan Rukun Tetangga (RT) Progresif daripada 90 hari kepada hanya 30 hari**, sekaligus membuktikan komitmen Kementerian dalam mempermudah urusan serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada rakyat.

Bagi perkhidmatan yang dibangunkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) seperti **eLLM, PdP, PNMNEWSHUB, QuickKarel dan QUICKSBOOK2U@PNM** ia adalah selaras dengan aspirasi digital iaitu **menyokong dasar pendigitalan perkhidmatan awam dan pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif selain memperluas akses perkhidmatan perpustakaan tanpa had**.

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara berkata, KPN komited menyahut aspirasi Kerajaan MADANI dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, inklusif dan berpaksikan rakyat melalui reformasi yang bersifat sistemik dan lestari. Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini merupakan hasil usaha gigih dan dedikasi semua pegawai di bawah KPN, termasuk jabatan dan agensi yang sentiasa beriltizam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan dan iltizam tinggi KPN dalam memastikan peraturan dan prosedur sentiasa dikemas kini agar kekal relevan, produktif dan efektif. Usaha ini selari dengan matlamat Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024–2030 yang menekankan nilai-nilai tadbir urus unggul, peningkatan keberkesanan perkhidmatan serta pemerkasaan peranan sektor awam dan komuniti.

Kementerian Perpaduan Negara

27 November 2025

KPN.100-9/1/1 **(98)**